

**Gandingan mantap, BN dijangka tampil calon muda
Utusan Online
September 25, 2011**

ALOR SETAR 24 Sept. - Barisan Nasional (BN) Kedah dijangka mengemukakan senarai nama calon yang menggabungkan muka baru dan lama termasuk para pemimpin muda sebagai calon pada Pilihan Raya Umum Ke-13 akan datang.

Pengerusi BN negeri, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, gandingan mantap calon-calon berkenaan merupakan strategi BN untuk menawan semula Kedah daripada pakatan pembangkang.

"Calon-calon BN itu adalah gandingan mantap muka lama dan baru tetapi yang penting kesemuanya adalah calon boleh menang. Bagaimanapun keputusan muktamad mengenai pemilihan calon terserah kepada pucuk pimpinan parti," katanya kepada pemberita selepas Konvensyen Barisan Nasional (BN) Kedah di Dewan Serbaguna Kompleks Mu'adzam Shah, Anak Bukit di sini, hari ini.

Timbalan Pengerusi BN Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir pula berkata, ahli dan pemimpin BN diminta memperhebatkan lagi usaha mendekati pengundi-pengundi muda yang merupakan golongan penyumbang terbesar kepada kemenangan sesebuah parti dalam pilihan raya umum.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata, parti-parti komponen perlu memahami cita rasa baru golongan muda kini dan mengubah cara untuk memenangi hati mereka.

"Golongan muda bukan lagi mereka yang hanya mahu mendengar soal perjuangan tetapi mereka mahu isu dan masalah seperti peluang pekerjaan, perumahan, perniagaan dan sebagainya diselesaikan," katanya yang juga Ahli Parlimen Jerlun.

Beliau berkata, isu-isu berkaitan dengan golongan muda sebenarnya telah pun disentuh oleh Perdana Menteri yang prihatin kepada golongan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Wanita BN negeri, Datuk Maznah Hamid berkata, usaha mendekati golongan muda memerlukan pendekatan baru dalam memenangi hati mereka.

Berdasarkan kajian sikap dan Program Jalinan Rakyat yang dilaksanakan oleh sayap wanita BN, beliau mendapati golongan muda yang lahir daripada keluarga menyokong parti pembangkang tidak semestinya turut menyokong pembangkang.

"Begitu juga sebaliknya dan ada kalanya ia bukan mudah tetapi politik adalah berkaitan persepsi dan cara lama sudah tidak boleh dipakai.

"Mereka mahu penyelesaian masalah dan jentera BN perlu menampilkan kebaikan dan kekuatan dan bukannya bercerita tentang kelemahan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0925&pub=utusan_malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm&arc=hive